

Jawatankuasa Buletin Politeknik PPD Sesi Januari 2008

1. **Penaung :** Hj. Mohd Kharir Bin Hj. Ibrahim.
2. **Pengerusi :** Tuan Hj. Wan Mohd Hujjatullah Hj. Wan Ghazali. Ketua Jabatan Pengajian Am, PPD.
3. **Ketua Editor & Rekabentuk :** En. Shamsul Johari Shaari. (JKA)
4. **Editor :**
 - 4.1. Pn. Suzarima Subuh. (JKA)
 - 4.2. Pn. Munirah Md. Nujid. (JKE)
 - 4.3. En. Abdul Malik Abd. Manap. (JKM)
 - 4.4. En. Mohd Salihin Jarnian. (JP)
 - 4.5. Cik Azyati Ibrahim. (JMSK)
 - 4.6. Cik Masniza Mansor. (JPA)
 - 4.7. En. Baharin Ahmad. (Kokurikulum)
 - 4.8. Cik Pn. Norliza Mohd Piah. (Pentadbiran)
 - 4.9. En. Azman Ahmad. (JKKQ)
 - 4.10. En. Hj. Asri b. Sarbun. (JPP)
5. **Gambar :** UMS

Kata-Kata Alyan Pengarah PPD Dari Meja Pengarah



Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera. Tahniah dan Syabas kepada Sidang Redaksi Buletin PPD kerana telah berjaya menerbitkan Buletin PPD Sesi Januari 2008. Sesi Januari 2008 berakhir dengan pelbagai aktiviti telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya. Pada awal tahun ini PPD telah berjaya dianugerahkan sijik ISO. Tahniah untuk semua. PPD juga berjaya menganjurkan Majlis Konvokesyen kali ke-17 pada bulan April 2008. Kejayaan penganjuran pelbagai aktiviti menggambarkan kerjasama mantap dan kualiti kecemerlangan yang ada kepada seluruh warga PPD. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi tahniah dan terima kasih di atas sokongan semua Warga PPD dalam menjayakan aktiviti PPD sepanjang Sesi Januari 2008. Saya yakin pelbagai berita dan aktiviti yang dipaparkan di dalam buletin ini menggambarkan warga PPD terus maju, aktif dan komited untuk menggerakkan PPD ke arah mercu kejayaan dan kecemerlangan. Saya harap kerjasama seperti ini akan terus diberikan pada masa yang akan datang. Bersama menuju kecemerlangan. Sekian, terima kasih. Daripada Hj. Mohd Kharir Bin Hj. Ibrahim, Pengarah PPD.

Majlis Konvokesyen PPD Kali ke-17



Majlis Konvokesyen PPD kali ke-17 Tahun 2008 telah diadakan buat pertama kalinya di luar kampus iaitu di Tiara Beach Resort, Port Dickson pada 23 dan 24 April 2008. Majlis kali ini diadakan di luar kampus disebabkan Dewan Wawasan PPD berada dalam proses pengubahsuaian. Majlis Konvokesyen pada kali ini diadakan pada dua sidang. Seramai 1,298 orang graduan daripada 1,741 graduan yang tamat pengajian pada tahun 2007 telah hadir pada majlis tersebut. Sidang pertama yang dihadiri seramai 620 graduan telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Tuan Haji Mohd Ghaus Bin Ab. Kadir, ANS Pengarah Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kurikulum, JPPKK, KPTM manakala sidang kedua yang dihadiri seramai 678 graduan disempurnakan oleh Yang Berbahagia Tuan Azizi Bin Lin, Pengarah Bahagian peperiksaan dan Penilaian, Sektor Pengurusan Politeknik, JPPKK, KPTM. Majlis gilang gemilang ini berjalan dengan lancar berkat kerjasama dari seluruh warga PPD dan semua pihak. Sejak tahun 1992 hingga kini PPD telah menghasilkan 17,473 graduan yang telah memberi sumbangan kepada pembangunan negara kita dalam pelbagai bidang. WHG

Dari Meja Pengerusi Buletin

Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera. Buletin PPD muncul kembali. Kali ini penerbitan edisi Sesi Januari 2008. Berita-berita yang dimuatkan di sini merupakan sebahagian aktiviti yang dirakamkan sepanjang Sesi Januari 2008. Buletin ini merupakan wadah rasmi PPD dalam menyalurkan maklumat dan aktiviti yang berlaku sepanjang semester untuk tatapan semua. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada ahli Sidang Redaksi Buletin PPD di atas kerja keras bagi menzahirkan Buletin PPD Sesi Januari 2008 ini. Tidak lupa juga setinggi terima kasih kepada mereka yang telah menyumbangkan berita dan mereka yang memberi sumbangan secara langsung atau tidak langsung. Kerja maufakat membawa berkat. Sekian, terima kasih. Daripada Hj. Wan Mohd Hujjatullah Bin Hj. Wan Ghazali

Kursus Kepimpinan Jatidiri JPK Sesi Jan 2008



Satu siri Kursus Kepimpinan Jatidiri Jawatankuasa Perwakilan Kamsis (JPK) Sesi Januari 2008 Politeknik Port Dickson telah diadakan pada 8 hingga 10 Januari 2008 bertempat di Hutan Simpan Hulu Bendul Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Kursus yang berlangsung selama tiga hari ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kepimpinan dan jatidiri JPK yang telah terpilih untuk melaksanakan tugas sebagai wakil pelajar di Kamsis PPD sepanjang Sesi Januari 2008. Kursus ini dihadiri 48 peserta serta dibantu oleh warden-warden kamsis. Kursus ini dirasmikan oleh Ketua Warden Tuan Haji Wan Mohd Hujjatullah Wan Ghazali. Di antara program yang dilaksanakan sepanjang kursus ialah Kuliah dan Tazkirah, Taklimat Peranan JPK, Latihan Dalam Kumpulan, Senaman pagi, Bengkel penulisan surat-menyurat, cara-cara penyediaan kertas kerja dan persediaan untuk menjalankan sesuatu aktiviti. Selain itu juga para peserta didedahkan dengan aktiviti kerja berpasukan dan ekspidisi jalan lasak merentas sebahagian laluan ke puncak Gunung Angsi. Pada keseluruhannya program yang dijalankan ini telah berjaya mencapai objektif yang telah ditetapkan iaitu untuk melahirkan pemimpin pelajar yang kental dan mempunyai semangat daya tahan yang tinggi dalam menghadapi cabaran sebagai pemimpin. WHG

Kerja Maufakat Membawa Berkat



Kelab Askar Wataniah-Sirkuit Merempuh Halangan (Padang Hoki Lama)



Pada 22 Mac 2008 hingga 23 Mac 2008, Kelab Askar Wataniah PPD dengan Kerjasama Unit Sukan & Kokurikulum, Politeknik Port Dickson dan Batalion Pertama 508 Askar Wataniah telah berjaya menganjurkan Ekseksais Petir II. Ekseksais ini adalah kesinambungan daripada Ekseksais Petir I yang diadakan pada tahun 2003. Majlis ini telah dirasmikan oleh En. Mohd Nor Mazlan bin Ismail, Pegawai Sukan dan Kokurikulum sebagai wakil kepada Pengarah PPD. Turut hadir pada majlis ini adalah Timbalan Komander Rejimen 508 Askar Wataniah, Lt. Kol Sheikh Aladin bin Zainal Abidin dan Penolong Pegawai Memerintah Batalion Pertama 508 Askar Wataniah Lt. Kol Md. Zahid bin Amran.

Objektif utama Ekseksais Petir II ini adalah untuk mempromosikan Kelab Askar Wataniah pada semua warga PPD secara amnya dan kepada pelajar secara khususnya.

Antara aktiviti yang diadakan adalah seperti Sesi Promosi Askar Wataniah, Poly Dance, Merempuh Halangan dan Pertunjukan Tembak Tempur serta Pameran Senjata.

Ekseksais ini telah mencapai objektifnya apabila mendapat liputan daripada Akhbar Harian Metro edisi 12 Mei 2008 hasil usaha daripada Pegawai Perhubungan Awam, PPD En. Shanon bin Mohamad.



Kempen Keselamatan dan Ketenteraman Kamsis

Kamsis PPD telah menganjurkan Kempen Keselamatan dan Ketenteraman Kamsis. Program yang dilaksanakan sempena kempen ini ialah Latihan Kebakaran atau Fire Drill dan Bengkel Pertolongan Cemas. Latihan Kebakaran dilaksanakan pada 5 March 2008 melibatkan semua penghuni Kamsis bertujuan memberi pendedahan berkait prosedur menyelamatkan diri sekiranya berlaku kecemasan. Sementara itu Bengkel Pertolongan Cemas untuk penghuni Kamsis bertujuan memberi pendedahan kepada peserta tentang aspek pertolongan cemas dan penggunaan alat pemadam kebakaran. Bengkel sehari ini diadakan pada di Dewan Kuliah 5 PPD pada 16 March 2008 dengan kerjasama Jabatan Pertahanan Awam Malaysia. WHG



Pameran Dadah Berbahaya

Pada 24 Mac sehingga 26 Mac 2008, satu Pameran Dadah Berbahaya anjuran bersama Agensi Anti Dadah Kebangsaan Daerah Port Dickson dan Unit Perpustakaan Politeknik Port Dickson telah dijalankan di Galeri Pelajar (HEP). Majlis perasmian dirasmikan oleh Pengarah PPD, Tn. Hj. Mohd Kharir Bin Mohd Ibrahim dan turut dihadiri oleh Pegawai-pegawai AADK, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai Kanan & Ahli Kelab Perpustakaan. Objektif pameran ini diantaranya adalah untuk memberikan pendedahan tentang jenis dadah dan penyalahgunaannya, meningkatkan kesedaran tentang faktor dan kesan pengambilan dadah kepada kehidupan semasa serta menjadi medium membanteras dadah sekaligus membantu PPD dalam usaha melahirkan tenaga profesional yang berkualiti. WHG



Kursus Pengurusan Jenazah

Unit Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pengajian Am, Politeknik Port Dickson telah menganjurkan Kursus Pengurusan Jenazah pada 10 Mei, 2008 yang lalu. Kursus yang dihadiri para pelajar Semester 2 yang beragama Islam itu telah diadakan di Pusat Islam, Politeknik Port Dickson selama sehari. Para peserta kursus telah diberi tunjuk ajar dalam pengendalian pengurusan jenazah secara terperinci oleh penceramah jemputan pada hari tersebut. Program seperti ini adalah amat bermanfaat kepada semua pelajar didalam menjalankan ibadah fardhu kifayah. Masniza



Hari Pendaftaran Pelajar Baru dan Minggu Suaikenal Sesi Januari 2008

Tirai semester Sesi Januari 2008 dibuka secara rasminya pada 14 hingga 17 Januari yang lalu. Secara keseluruhannya seramai 946 orang pelajar baru telah mendaftar bagi pelbagai kursus Sijil dan Diploma pada sesi kali ini bertempat di Dewan Wawasan, Politeknik Port Dickson. Proses pendaftaran telah berjalan dengan lancar dengan kerjasama dan komitmen tinggi daripada seluruh AJK Pendaftaran Pelajar dan kakitangan Unit Hal-Hal Pelajar Politeknik Port Dickson. Setelah selesai mendaftar, kesemua pelajar menjalani Minggu Suaikenal (MSK) yang merupakan acara wajib bagi semua pelajar baru dalam menyesuaikan diri mereka di Politeknik Port Dickson. Minggu Suaikenal pada sesi ini telah dirasmikan oleh Timbalan Pengarah (Akademik) Puan Hajjah Fauziah Zakaria bertempat di Dewan Wawasan, Politeknik Port Dickson. Disamping memberikan peluang kepada untuk mengeksplorasi segala kemudahan yang terdapat di Politeknik Port Dickson, pelajar juga diberikan penerangan yang lebih terperinci melalui sesi ceramah. Aktiviti sukan menjadi pelengkap dalam menjaga pelajar yang cemerlang dari segi akademik dan sukan. Selamat datang kepada semua pelajar baru dan selamat maju jaya! Masniza.



English Language Camp January 2008



A group of Semester 2 (Diploma) students of all courses attended an English Language Camp which was held at Casa Rachado Resorts, Port Dickson from 19 to 20 April, 2008. It was organized by the English Language Unit of Port Dickson Polytechnic. The main objective of the camp was to increase students' performance in oral communication skill specifically in oral presentation. The participants were facilitated by the lecturers from the English Language Unit, Port Dickson Polytechnic and also a guest speaker, Mr. Sivagurunathan from Port Dickson who was invited to give a talk on 'How to Speak Confidently'. According to the organizer, the language camp will again be held next semester as to see the progress of participants' performance in oral presentation. Masniza



English Language Camp 2 January 2008



The English Language Carnival was held from 18 to 23 February, 2008. It was jointly organized by the English Language Unit and the English Language Club of Port Dickson Polytechnic. An array of activities was conducted throughout the week including MUET Answering Technique Workshop, Language Games, Singing Contest, Elocution Contest, Treasure Hunt and Movie Viewing. The prizes were given away by the Deputy Director (Academic) Puan Hajjah Fauziah Zakaria on 27 February in Dewan Kuliah 4, Port Dickson Polytechnic. Congratulations to all winners! Masniza



Minggu Penghayatan Islam

Minggu Penghayatan Islam telah diadakan bermula daripada 25 Mac dan berakhir pada 30 Mac, 2008 yang lalu. Program tersebut dianjurkan oleh Unit Pendidikan Islam dan Moral, Politeknik Port Dickson. Para pelajar telah disajikan dengan beberapa aktiviti termasuklah Pertandingan Nasyid, Tilawah Al-Quran dan Forum Perdana. Pertandingan-pertandingan telah diadakan di Dewan Kuliah 4 dan juga di Pusat Islam, Politeknik Port Dickson. Pihak penganjur berpuashati dengan sambutan yang menggalakkan daripada para pelajar dan para pensyarah yang telah menjayakan program di sepanjang minggu tersebut. Masniza




Pertukaran Pengarah PPD, Tuan Haji Mohd Ghaus Bin Ab Kadir, Ans

Tuan Hj Mohd Ghaus bin Ab Kadir, ANS Pengarah Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan ditukarkan sebagai Pengarah, Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kurikulum, Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia berkuatkuasa pada 1 Mac 2008.

SEJARAH PERKHIDMATAN BELIAU:

- *01.01.1980 - Mula berkhidmat sebagai Pegawai Perkhidmatan Pelajaran di Politeknik Untuk Omar.
- *25.09.1989 - Berkhidmat di Bahagian Biasiswa Kementerian Pendidikan, Kuala Lumpur sebagai Pegawai Perkhidmatan Pelajaran.
- *02.12.1990 - Bertukar ke Politeknik Batu Pahat Johor sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah DG3.
- *01.10.1993 - Bertukar ke Politeknik Port Dickson sebagai Ketua Bahagian Kej. Jentera (PPPS DG3)
- *01.10.2001 - Bertukar ke Politeknik Dungun, Terengganu sebagai Pengetua
- *01.11.2002 - Bertukar ke Politeknik Port Dickson sebagai Pengarah Gred DG54.
- *2003 - Paduka Seri Tuanku Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus telah berkenan mengurniakan Darjah Kebesaran/Bintang dan Pingat AHLI SETIA NEGERI SEMBILAN (ANS) Sempena menyambut Hari Ulangtahn Keputeraan Baginda Yang ke 81 pada tahun 2003.
- *01.03.2008 - Ditukarkan Ke JPPKK, KPTM sebagai Pengarah, Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kurikulum.

SEMUA WARGA POLITEKNIK PORT DICKSON, MENGUCAPKAN SETINGGI PENGHARGAAN DAN TAHNIAH DI ATAS LANTIKAN BELIAU SEBAGAI PENGARAH, BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN KURIKULUM. Norliza.



Perjumpaan Pertama Dengan Pengarah PPD Tuan Hj Mohd Kharir Bin Mohd Ibrahim

Tuan Haji Mohd Kharir bin Mohd Ibrahim telah melapor diri sebagai Pengarah di Politeknik Port Dickson 01.03.2008. Sebelum ini beliau pernah berkhidmat di Politeknik Port Dickson sebagai Ketua Jabatan di Jabatan Perdagangan dan ditukarkan ke Politeknik Kucing sebagai Timbalan Pengarah. Semua Warga Politeknik Port Dickson mengalu-alukan kedatangan Tuan Haji Mohd Kharir bin Mohd Ibrahim sebagai Pengarah Politeknik Port Dickson.

Majlis perhimpunan bulanan kali juga adalah untuk mengucapkan selamat jalan kepada Tuan Haji Mohd Ghaus bin Ab Kadir, ANS (Pengarah PPD) yang telah bertukar ke Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kurikulum, Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia sebagai Pengarah Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kurikulum. Norliza

Kejohanan 9-Pin Boling Tertutup Staf Politeknik Port Dickson.

Pada 31hb Mei 2008, Persatuan Kakitangan dan Pusanita Politeknik Port Dickson telah menganjurkan satu Kejohanan 9-Pin Boling Tertutup Staf di DY Bowl, Port Dickson, Negeri Sembilan. Kejohanan ini telah dirasmikan oleh Pengarah Politeknik Port Dickson Tuan Haji Mohd Kharir bin Mohd Ibrahim pada pukul 10.30 pagi.

Kejohanan ini adalah bertujuan untuk merapatkan hubungan serta mewujudkan semangat kesukanan yang tinggi diantara staf politeknik. Seramai 30 orang peserta telah menyertai kejohanan ini. Johan bagi kategori VIP dimenangi oleh En. Md Kassim bin Jaafar dan kategori staf lelaki dimenangi oleh En. Mohd Noor bin Khalid manakala kategori staf perempuan dimenangi oleh Puan Shakinah binti Saad. En. Wan Hujjatullah bin Wan Ghazali telah memenangi hadiah jatuhan pin tertinggi bagi kategori lelaki dengan jatuhan sebanyak 220 pin dan kategori perempuan dimenangi oleh Puan Shakinah binti Saad dengan jatuhan sebanyak 186 pin. Penyampaian hadiah disempurnakan oleh Tuan Pengarah pada pukul 12.30 tengahari. Bahrain.



Seminar Kecemerlangan Dan Kerjaya

Pada 12 Mei 2008, Kelab Perdagangan telah menganjurkan satu Seminar Kecemerlangan dan Kerjaya bertempat di Dewan kuliah 3 dan 4. Antara pengisian berguna di dalam seminar sehari ini yang juga dihadiri oleh pelajar-pelajar semester 1 hingga 6 adalah penyampaian 4 slot ceramah iaitu 'How To Be A Star Student', 'Time Management', 'Peluang Pendidikan dan Kerjaya (Dalam Bidang Perniagaan & Pengurusan)' dan 'Kemahiran Menghadapi Dunia Pekerjaan'. Bertepatan dengan temanya, "Kecemerlangan, Tonggak Kejayaan", para peserta telah didedahkan tentang bagaimana untuk menjadi pelajar yang cemerlang serta bijak dalam menguruskan masa di samping memberi pendedahan tentang teknik-teknik yang berkesan bagi menghadapi alam pekerjaan kelak. Seminar yang berakhir pada pukul 5.00 petang ini telah berupaya memberi informasi-informasi terkini dan bermanfaat kepada para peserta. msj.



Informative, Experience And Enjoyable Moment With Proton I-Care

Pada 14 Mac 2008, Pusat Pengurusan Pelanggan (Customer Management Center) bagi Proton Group Corporate Communication telah menerima kunjungan dari pelajar-pelajar semester akhir Diploma Pemasaran, Politeknik Port Dickson. Syarikat yang memfokuskan kepada konsep pemasaran perkhidmatan ini telah menjadi pilihan peserta rombongan bagi mendapatkan gambaran sebenar di sebalik konsep pemasaran yang mereka praktikkan. Dengan penyertaan dan penglibatan pelajar semester akhir ini, ia diharap dapat memberi pengetahuan, pendedahan dan pengalaman kepada pelajar berkaitan untuk membandingbeza dan mempraktikkan ilmu yang diperolehi daripada lawatan tersebut dengan apa yang diterangkan di dalam kelas semasa proses pembelajaran modul.msj.



"Membina Personaliti Anggun Solehah"

Tampil cantik dan bergaya merupakan fitrah semulajadi wanita. Namun dewasa ini masyarakat lebih cenderung untuk terikut-ikut trend dan acuan dari Barat atau sesuatu yang jelas tidak menepati prinsip yang digariskan oleh agama. Trend tersebut lebih menumpukan kepada aspek rupadiri fizikal semata-mata, menjadikan kekeliruan di dalam meneliti neraca kecantikan sebenar yang seharusnya juga mengambilkira kepentingan pembentukan sahsiah dan keperibadian. Penampilan individu yang menutup aurat, sopan dan anggun dilihat akan dapat memberikan nilai tambah positif kepada imej dirinya, seterusnya menuntut individu tersebut lebih dihormati bukan kerana kecantikan fizikal semata-mata tetapi kerana ketinggian pemikiran dan keluhuran peradaban. Atas kesedaran itulah satu seminar telah diadakan bagi membentuk kefahaman para pelajar tentang bagaimana untuk membentuk personaliti diri yang unggul bagi memelihara kesejahteraan dalam hubungan sosial. Seminar sehari anjuran Kelas Diploma Sains Kesetiausahaan Semester Akhir dengan kerjasama Unit kaunseling Jabatan ini telah diadakan pada 9 Mei 2008 bertempat di DK 4 dengan tema "Membina Personaliti Anggun Solehah Yang Berpenampilan Sihat Menawan". Antara penceramah yang dijemput bagi menjayakan seminar ini adalah Prof. Madya Rusnah Aluai dari UITM yang menyampaikan ceramah bertajuk 'Konsep Kendiri Positif – Teraju Diri', Ustazah Saniah dari Unit Artileri dengan ceramah bertajuk 'Membina Personaliti Anggun Solehah' dan Pn Hjh Rugayah Md Zain (Perunding Kesihatan) yang menyampaikan ceramah bertajuk 'Resepsi - Sihat Menawan'.msj.

Malam Pra-Graduan - Vogue And Elegant



Pada 23 Mei 2008, bertempat di Bayu Beach Resort, satu majlis Malam Pra-Graduan bagi meraikan pelajar-pelajar semester akhir telah diadakan. Antara objektif majlis ini diadakan adalah bagi memupuk ikatan silaturrahim antara pelajar serta memberi pengalaman dalam menghadiri majlis-majlis formal yang mungkin mereka lalui di alam pekerjaan kelak mahupun apabila melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. msj.

Sambutan Maulidur Rasul Perdana

Exco Kerohanian Kelab Perdagangan bersama-sama dengan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) telah mengadakan Majlis Sambutan Maulidur Rasul bagi mengenang sirah kehidupan suci murni Baginda Nabi Muhammad S.A.W peringkat Politeknik Port Dickson. Pada tahun ini, majlis disambut dengan sedikit ke-lainan apabila dimeriahkan dengan perarakan perdana oleh warga politeknik yang julung-julung kali diadakan dalam sejarah Politeknik Port Dickson. Program ini merupakan satu aktiviti riadah dan ia diadakan bagi menunjukkan perpaduan ummah di kalangan warga politeknik.msj.

Glamorous Evelasting Lavender Night

Kelab Diploma Sains Kesetiausahaan telah ditubuhkan sejak bermulanya kursus ini di Politeknik Port Dickson. Penubuhan kelab ini diyakini dapat mengeratkan hubungan di antara pelajar senior dan junior di samping dapat bertukar-tukar pendapat bagi mencetuskan idea atau cadangan bagi mengadakan aktiviti. Pada 19 April 2008, bertempat di Tiara Beach Resort, satu Majlis Makan Malam dengan tema 'Glamorous Evelasting Lavender Night' telah diadakan. Majlis tersebut telah dihadiri oleh Pemangku Ketua Jabatan Perdagangan, Pn Hjh Noridah Bt Othman dan para pensyarah Jabatan Perdagangan yang antara lain menerapkan tentang etika dan protokol ketika berada di dalam majlis rasmi. msj.


Mesyuarat Agung Koperasi

Pada 7 Mei 2008, Koperasi Politeknik Port Dickson Berhad telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 16 bertempat di Dewan Wawasan Politeknik Port Dickson. Mesyuarat tahunan kali ini telah dirasmikan oleh Tuan Pengarah PPD, Tn Hj Mohd Kharir Bin Mohd Ibrahim yang turut disertai oleh para pelajar selaku anggota koperasi berdaftar. Sebanyak 13 agenda mesyuarat telah dibincang dan diputuskan di dalam mesyuarat yang berakhir pada pukul 5.15 petang ini. msj.

Seminar Pendidikan Animasi Malaysia Akademi Seni Kebangsaan Malaysia Kuala Lumpur 21 – 22 Januari 2008



Seminar pendidikan animasi Malaysia adalah satu usaha yang dijalankan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan warisan Malaysia dengan usahasama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia menganjurkan seminar dan pembentangan kertas kerja selama 2 hari di Akademi Seni Kebangsaan Malaysia. Seminar ini membincangkan berkenaan halatuju pendidikan animasi dalam sistem pendidikan negara. Selain membincangkan peranan animasi dalam kemajuan teknologi negara, seminar ini mendedahkan kepada pelajar dan pengajar berkenaan bidang animasi 2D dan 3D yang telah dikomersialkan melalui media elektronik. Antara IPTA dan IPTS yang terlibat ialah Lim Kok Wing Universiti, Universiti Multimedia, Saito Art Academy, Malaysia Institute of Art, One Academy, Universiti Teknologi Mara UiTM, Universiti Darul Iman, Universiti Utara Malaysia, Universiti Perguruan Sultan Idris, Universiti Teknologi Islam Malaysia, Universiti Malaysia Sarawak, Politeknik Sabak Bernam, Politeknik Johor Bahru dan Politeknik Port Dickson. Manakala panel pembentangan kertas kerja terdiri daripada kartunis Dato' Lat, Pengarah RTM Dato' Abdul Rahman, Pensyarah Jabatan Grafik Fakulti Seni Lukis & Seni Reka UiTM, Pensyarah Multimedia Universiti Multimedia, Pensyarah Universiti Malaysia Sarawak, manakala panel syarikat animasi yang menghadiri ialah La's Coupac (Upin – Ipin Siri Tv 9), Keluang Man & Anak-anak Sidek, Usop Santorian. Antara wakil pensyarah Politeknik Port Dickson yang terlibat iaitu En. Bahrin Ahmad, En. Shamsul Johari, Pn. Suzarina Suboh dan Pn. Rohani Mohd Nor. Suzarina.



Malam Sekalung Budi JKA 2008

Majlis Makan Malam sekalung budi ini adalah aktiviti yang dijalankan setiap hujung semester. Majlis makan malam ini adalah usahasama gabungan Kelab Jabatan Kejuteraan Awam, dan Staf JKA. Majlis ini bertujuan untuk meraikan pelajar-pelajar semester akhir bagi jabatan Kejuruteraan Awam. Objektif majlis ini ialah mengeratkan hubungan antara pelajar, pensyarah dan staf JKA. Selain daripada itu majlis ini juga secara tidak langsung dapat mewujudkan jurang interaksi antara pelajar dan staf. Suzarina.

Mencari Harta Karun JKA 2008 Genting Highland

2 – 3 Februari 2008, Jabatan Kejuruteraan Awam telah mengadakan aktiviti mencari harta karun di Genting Highland pada 2/2/2008 hingga 3/2/2008. Bermula di dataran JKA Politeknik Port Dickson dan berakhir di Genting Highland. Menurut kata pengerusi aktiviti ini, En Bahrin B. Ahmad, objektif aktiviti ini ialah mengeratkan hubungan persahabatan antara sesama warga JKA. Memupuk semangat kerjasama antara warga JKA. Mewujudkan interaksi dan mendekatkan jurang komunikasi sesama warga JKA dan mengeratkan hubungan kekeluargaan sesama warga JKA. 20 kumpulan peserta yang terdiri daripada 60 warga JKA serta ahli-ahli keluarga. Suzarina.



Seminar & Hari Intelek Jka 2008, 21 – 23 Mei 2008

Jabatan Kejuruteraan Awam menganjurkan satu seminar yang boleh menjadikan pemangkin kearah memupuk budaya penyelidikan di kampus politeknik. Program ini bukan sahaja melibatkan pelajar tetapi juga pensyarah-pensyarah politeknik yang kini memerlukan pendedahan kepada budaya penyelidikan. Program ini bukan sahaja melibatkan Jabatan Kejuruteraan Awam tetapi juga melibatkan organisasi lain seperti UTHM, Perbadanan Muzium Negeri Sembilan, Jabatan Kerja Raya Ibu pejabat Kuala Lumpur, Kraftangan Negeri Sembilan, dan MOSTI yang akan membentangkan kertas kerja atau sebagai penilai hasil kerja pelajar. Selaras dengan objektif seminar iaitu mempromosikan produk kajian pelajar JKA kepada warga Politeknik khususnya masyarakat luar. Selain daripada itu ia memberi penyatuan tenaga, kreativiti dan semangat warga JKA dalam menjalankan sesuatu program. Tema Seminar ialah, "Kecemerlangan Melalui Budaya Penyelidikan- Satu Titik Mula". Suzarina.



Bengkel Senibina Transxxit 2008, Universiti Sains Malaysia USM Pulau Pinang

Bengkel Senibina Transxxit 08 telah diadakan di Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang pada 8 hingga 13 Jun 2008. Bengkel merupakan aktiviti tahunan Persatuan Arkitek Malaysia PAM. Bengkel ini melibatkan IPTA dan IPTS yang menawarkan kursus Senibina. Objektif bengkel ini adalah memberi ruang dan peluang kepada pelajar-pelajar senibina dalam anjakan paradigma dalam bidang senibina. Merangsang pelajar memberikan satu idea yang maju ke hadapan berkenaan dengan bidang senibina. Maju ke hadapan berkenaan dengan bidang senibina, mendedahkan pelajar kepada dunia luar serta mengeratkan hubungan sesama peserta. Seramai 17 Pelajar Diploma Senibina Politeknik Port Dickson menyertai bengkel ini serta pensyarah pengiring Puan Ruslinda Abdullah. Suzarina.

Portluck JKA

Pada 29 Mei 2008 Kelab Kebajikan Staf JKA telah berjaya mengadakan portluck yang bertempat di ruang legar jabatan dari pukul 8.00 pagi hingga 9.00 pagi. Tujuan utama program ini ialah untuk mengeratkan silaturahim antara staf, disamping menyampaikan sumbangan cenderhati kepada kakitangan yang mendapat cahaya mata dan yang baru berkahwin. Kesempatan ini juga digunakan untuk meraikan dua orang pelatih dari UTHM. Selepas itu, mesyuarat jabatan telah diadakan dan ini diikuti dengan sambutan portluck makan tengah hari. HBS.



Pameran Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan

TARIKH: 07 Mei 2008.

JAM: 8.00 pagi – 2.00 petang.

TEMPAT: Ruang Legar HHP, Politeknik Port Dickson.

PENGANJUR: Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan, Seremban, Negeri Sembilan, Kementerian Sumber Manusia.

TUJUAN:

1. Meningkatkan kesedaran terhadap keselamatan dan kesihatan kepada semua warga Politeknik.
2. Membekalkan maklumat mengenai kerjaya dalam keselamatan dan kesihatan untuk semua pelajar politeknik.
3. Memberi maklumat perkembangan terbaru terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di industri.
4. Membudayakan keselamatan dan kesihatan di kalangan semua warga Politeknik Port Dickson.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Maklumat yang diterima daripada pegawai JKPP Seremban, sambutan terhadap pameran ini amat menggalakkan. Seramai 30 pelajar Politeknik telah mengambil Kuiz yang disediakan oleh pihak penganjur. Hadiah-hadiah turut diberi kepada peserta yang telah mengambil bahagian dalam Kuiz.

Karnival MathScomp Jan 2008



Pada 25 dan 26 Februari 2008, Kelab MathSComp di bawah naungan Jabatan Matematik Sains dan Komputer (JMSK) telah mengadakan Karnival MathSComp bertempat di Foyer JMSK. Objektif utama karnival ini ialah untuk memberi peluang kepada para pelajar untuk mengaplikasikan teori dan kemahiran yang dipelajari dalam situasi yang sebenar dengan mengendalikan aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Ini adalah penting untuk merangsang dan mempertingkatkan pengetahuan dan pemahaman dalam Matematik, Sains dan Komputer di kalangan pelajar PPD.

Antara gerai yang terdapat di Karnival ini ialah Gerai Sains, Matematik, Komputer dan Kelab MathSComp. Keempat gerai ini telah bergabung tenaga dengan menyediakan pelbagai aktiviti menarik sepanjang karnival ini berlangsung. Antara aktiviti yang dijalankan iaitu pameran yang membekalkan pelbagai maklumat mengenai dunia Sains, Matematik dan Komputer. Selain itu, aktiviti-aktiviti yang mencabar minda para pelajar turut disediakan seperti kuiz, permainan seperti gelang maut, balang ajaib, 'wheel of fortune' dan pertandingan mencipta logo MathSComp. Sambutan para pelajar PPD adalah di luar jangkaan kerana menarik minat ramai pelajar untuk menyertai setiap aktiviti yang disediakan. Karnival ini berakhir dengan Majlis Penutupan dan penyampaian hadiah oleh Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, Pn. Hj. Fauziah Bt Zakaria. Pihak penganjur mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dan berharap Karnival MathSComp akan datang lebih hangat dan hebat. Aziyati.

Latih Tubi Online

Selaras dengan objektif KMK Jabatan Matematik, Sains dan Komputer untuk meningkatkan peratus kelulusan pelajar mengulang modul kritikal iaitu Sains Juruteknik dan Matematik Kejuruteraan 2, satu laman web bersifat interaktif telah dibangunkan. Pada 18 April, KMK JMSK diketuai oleh En. Mohd Fadli B. Osman telah mengadakan satu aktiviti Latih Tubi Online khas untuk pelajar sasaran. Seramai 150 orang pelajar telah menyertai aktiviti ini yang bertempat di Makmal Komputer JMSK. Aktiviti ini bertujuan untuk memperkenalkan serta membantu pelajar sasaran dalam melayari laman web tersebut. Pelbagai soalan interaktif telah disediakan oleh ahli kumpulan KMK dan pelajar dikehendaki menjawab soalan tersebut di mana pemantauan dan analisis dilakukan oleh ahli KMK. Aziyati



Hari Pendaftaran Mengulang Modul Sesi Jan 2008

17 dan 18 Januari yang lalu, telah diadakan Hari Pendaftaran Mengulang Modul untuk pelajar-pelajar yang mengulang modul. Berempat di Foyer JMSK, pelajar-pelajar ini awal-awal lagi telah bersedia mendaftar bagi kelas yang sesuai dengan jadual waktu semasa. Seramai 556 orang pelajar mengulang modul bagi semua modul Matematik, Sains Juruteknik dan Aplikasi Komputer telah mendaftarkan diri untuk mengulang modul sesi Jan 2008. Tujuan diadakan hari pendaftaran ini adalah untuk memudahkan dan mengelakkan sebarang masalah timbul di kalangan pelajar tersebut, pensyarah JMSK dan penasihat akademik seperti berlaku pertindihan jadual waktu dan sebagainya. Proses pendaftaran telah berjalan dengan lancar dengan kerjasama dan komitmen yang tinggi semua AJK Pendaftaran Pelajar Mengulang Modul JMSK. Aziyati.

Hari JKM Sempena Hari Politeknik Politeknik Port Dickson



Program Hari JKM Sempena Menyambut Hari Politeknik yang julung-julung kali diadakan merupakan satu program perintis dan memberi peluang untuk pelajar mengetahui bidang-bidang kerjaya yang ingin diceburi kelak. Program ini juga dapat membina jatidiri pelajar untuk menghadapi masa depan kelak berbanding kepada aktiviti-aktiviti yang dirangka sepanjang program berlangsung. Pada peringkat ini, pelajar akan didedahkan dengan pelbagai jenis agensi kerajaan dan swasta serta Institut Pengajian Tinggi Awam/ Swasta. Program ini sebagai platform kepada pelajar untuk membina kerjaya dan peluang melanjutkan pelajaran di Institut Pengajian Tinggi. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti Larian JKM, Sesi Temuduga Pekerjaan dengan beberapa syarikat swasta, Pameran Kerjaya dan ceramah agama yang berlangsung pada waktu malam.

Perkhemahan Jati diri Politeknik Zon Selatan di Lambaian Danau, Jasin, Melaka



Lambaian Danau- Politeknik Port Dickson melalui Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) telah menganjurkan Perkhemahan Jati diri Politeknik Zon Selatan yang berlangsung di Lambaian Danau, Jasin, Melaka pada 1 Mei hingga 4 Mei 2008. Program ini bertujuan untuk membina semangat jatidiri di kalangan pemimpin pelajar dan juga merapatkan ukhwah antara JPP Politeknik Zon Selatan. Politeknik yang hadir adalah Politeknik Merlimau, Politeknik Johor Baharu, Politeknik Kota Melaka dan Politeknik Port Dickson selaku penganjur. Program ini telah dirasmikan oleh Tn Hj Khair b. Ibrahim, Pengarah Politeknik Port Dickson. Program yang berlangsung selama 4 hari ini telah berlangsung dengan jayanya dan mencapai objektif seperti yang diharapkan. Asri.



28 hingga 30 Mac 2008, Pameran Titipan Za'ba & Perkhemahan Sumbangan Kasih

Bertempat diteratak Za'ba & Perkarangan Rumah Waris Pendeta Za'ba, Batu Kikir Pameran yang telah dilaksanakan ini merupakan jemputan daripada pihak Lembaga Muzium Negeri Sembilan sempena memperingati jasa beliau terhadap negara. Pihak politeknik yang diwakili oleh MECLUB telah mengambil bahagian untuk menjayakan program pameran ini. MECLUB telah dapat menyebarkan berita dengan memberi keterangan dan mengedarkan beberapa pamphlets mengenai Politeknik Port Dickson khususnya. Program pameran yang berlangsung selama satu hari bermula jam 8.00 pagi dan berakhir pada jam 10.00 malam. MECLUB juga menyediakan para pelajar seramai 40 orang untuk mengikuti segala program yang disediakan oleh pihak penganjur sepanjang program tersebut.

Selain program Pameran, MECLUB juga telah mengambil kesempatan mengadakan satu lagi program iaitu Perkhemahan Sumbangan Kasih kepada Waris Pendeta Zaba. Para pelajar telah berkhemah di perkarangan rumah waris Pendeta Zaba selama tiga hari dua malam. MECLUB telah mengadakan gotong-royong pada hari ketiga dan telah menyumbangkan beberapa keperluan harian berupa makanan dan ampai pakaian sebagai tanda terima kasih terhadap sumbangan Pendeta Zaba dan mengizinkan pelajar bekhemah di kawasan perkarangan rumahnya.

Secara keseluruhan, kedua-dua program yang dilaksanakan dapat berjalan dengan jayanya dan kerja sama semua pihak yang diberikan amat baik.



Seminar Kejuruteraan & Motivasi JKM

Pada 29 Mei 2008, bertempat di Dewan Kuliah 4, satu Seminar kejuruteraan dan motivasi JKM merupakan aktiviti terakhir bagi MECLUB pada sesi Jan 2008. Intipati seminar meliputi pendedahan kepada pelajar berkenaan dengan bidang kejuruteraan yang disampaikan oleh wakil dari "The Institution of Engineers Malaysia". Selain itu juga, pelajar Kejuruteraan Mekanikal didedahkan dengan taklimat HIRAC dan ceramah motivasi berkenaan dengan pembelajaran berkesan di IPTA yang disampaikan oleh penceramah terkenal iaitu Profesor Izzi dari UiTM.

Program ini sedikit sebanyak dapat memberi panduan kepada pelajar dalam bidang kejuruteraan, hala tuju bidang kejuruteraan selepas tamat pengajian dan memberi pendekatan berkenaan kaedah pembelajaran yang berkesan.




Program Seminar Keselamatan

Seminar ini sebenarnya telah dirancang pada minggu terakhir semester sesi Julai 2007, di mana tajuk utamanya tertumpu kepada keselamatan jalan raya sahaja. Setelah merujuk kepada Penaung dan semua AJK seminar, maka tajuk diubah kepada "Seminar Keselamatan" di mana memfokuskan kepada beberapa aspek penting yang perlu diberi penekanan kepada peserta iaitu mengenai jenayah berat, narkotika, trafik serta keselamatan dan disiplin Politeknik.

Seminar dapat dijalankan dengan sempurna dan kerjasama yang diberikan dari pihak Ibu Pejabat Polis Daerah Port Dickson, Agensi Antidadah Kebangsaan Port Dickson (AADK) serta Pihak Hal-Hal Pelajar Politeknik sebagai ahli panel amat baik sekali. Selain dari memberi ceramah, pihak AADK juga menyediakan pameran di ruang legar dewan kuliah 2 (sebelah petang).

Secara umumnya seminar ini dapat memberi kesan kepada peserta kerana semua ahli panel telah menyentuh beberapa tajuk yang banyak kaitan dengan alam pelajar. Selain itu, peserta juga diberi peluang untuk mengemukakan soalan kepada ahli panel untuk mendapatkan penjelasan dengan lebih mendalam tentang sesuatu isu yang dibincangkan.



30 April 2008, Program Lawatan Ke Sirim Malaysia Berhad

Bertempat di Sirim Malaysia Berhad, Shah Alam, Selangor. Program lawatan Jabatan Kejuruteraan Mekanikal ini merupakan aktiviti tahunan Kelab Kejuruteraan Mekanikal (Meclub). Aktiviti ini menjurus kepada perkara yang membawa banyak faedah kepada setiap pelajar yang menyertainya serta melibatkan diri secara langsung atau tidak langsung bagi menjayakannya. Antaranya mendedahkan tentang alam pekerjaan yang akan dilalui apabila tamat pengajian. Memberi pengetahuan tentang teknologi pembuatan dalam bidang mekanikal untuk di aplikasikan dalam pelajaran.

Program ini terbuka penyertaannya kepada semua pelajar Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dari semester 1 hingga 6.



Hi-Tea Pn. Norbaiti Haris

Pada April 2008, JKE telah kehilangan seorang pensyarah yang berdedikasi. Bersempena dengan persaraan Pn. Hj. Norbaiti Haris, pihak jabatan telah mengadakan satu jamuan Hi-Tea yang bertempat di Anna Thai, Tiara Beach Resort pada 2 April 2008. Beliau telah berkhidmat di Politeknik Port Dickson selama 5 tahun. Sebagai tanda ingatan, jabatan telah menghadihkan sebuah frame ayat-ayat al-quran kepada beliau.

Dalam majlis tersebut, beliau menasihatkan kepada semua staf JKE agar dapat mendidik anak bangsa dengan penuh dedikasi. Majlis berakhir dengan ucapan selamat tinggal dan sesi bersalam-salaman diantara staf-staf jabatan. Munirah.

Titian Kasih JKE



Pada semester ini, Kelab Kejuruteraan Elektrik telah berjaya menganjurkan program Titian kasih yang melibatkan semua pelajar semester 1 dan 2. Program ini telah berlangsung selama satu hari iaitu pada 16 Mei 2008 bertempat di Dewan Kuliah 4, Blok Akademik PPD dari jam 8.05 pagi sehingga 12.15 tengahari. Pengisian program ini adalah berbentuk ceramah motivasi yang bertajuk Pemantapan Keyakinan Diri Sebagai Modal Insan. Kelab telah menjemput Cr. Shamsul Bahrain bin Harun yang merupakan Pegawai Kauselor Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam Selangor untuk memberikan ceramah bagaimana untuk menjadi seorang yang berkeyakinan dan mempunyai modal insan yang tinggi dalam mengharungi cabaran sebagai seorang pelajar di politeknik. Munirah.



Perhimpunan Pelajar & Taklimat JKE

Setiap semester, JKE tidak ketinggalan dalam meraikan kejayaan pelajar-pelajar elektrik dalam bidang akademik dan sukan. Bersempena dengan meraikan kejayaan mereka, jabatan dengan kerjasama kelab KKE telah mengadakan satu program Perhimpunan Pelajar Dan Taklimat JKE. Perhimpunan ini telah diadakan di Dewan Wawasan pada 23 Mei 2008. Perhimpunan ini telah dihadiri oleh semua pelajar elektrik dan pensyarah-pensyarah elektrik. Di dalam perhimpunan ini, pemangku ketua jabatan elektrik, En Sulaiman Bin Subari telah menyampaikan sijil Anugerah Ketua Jabatan dan hadiah sukan & cabutan bertuah kepada pelajar-pelajar yang berjaya. Selain itu, dua sesi taklimat iaitu taklimat peperiksaan dan taklimat disiplin juga telah diadakan di dalam perhimpunan tersebut bagi memperingati pelajar-pelajar tentang peraturan-peraturan semasa peperiksaan sedang dijalankan. Munirah.

Pertandingan Robot Soccer Yang Kedua

Pertandingan Robot Soccer telah kembali semula untuk kali kedua. Pertandingan ini telah diadakan di Politeknik Johor Bahru pada 19-21 April 2008 yang lalu. Politeknik Port Dickson terutamanya JKE tidak ketinggalan dalam menyertai pertandingan ini. Dalam pertandingan ini Politeknik Port Dickson telah mendapat tempat ke empat. Sememangnya pertandingan pada kali ini lebih mantap untuk setiap pasukan politeknik yang bertanding. Munirah.

Pertandingan Pendawaian Domestik

Pada 15 Mei yang lalu satu program PERTANDINGAN PENDAWAIAN DOMESTIK ini telah dianjurkan oleh Jabatan Kejuruteraan Elektrik Politeknik Port Dickson bertempat di Bengkel Pemasangan. Pertandingan ini bertujuan untuk menguji dan mengiktiraf kemahiran asas pelajar-pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik berkaitan dengan pendawaian domestik. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk memantapkan lagi kemahiran para pelajar dalam kerja-kerja pendawaian supaya mereka sentiasa dapat melakukan pendawaian dalam pelbagai situasi dan keadaan litar yang diberikan secara terus. Seramai 42 orang pelajar telah mengambil bahagian dalam pertandingan ini dan mereka telah dibahagikan kepada 21 kumpulan. IR Chan Cheng Meng selaku Timbalan Pengarah Akademik PPD telah merasmikan pertandingan ini dan Pn. Fauziah Zakaria selaku Timbalan Pengarah Sokongan Akademik telah dijemput hadir. Pertandingan ini telah mendapat penyertaan yang menggalakkan dan ia berjalan dengan lancar. Munirah.



Seminar Penerokaan Kerjaya Anjuran Kemas N. Sembilan

Pada 27 Mei 2008 (Selasa), Seminar ini telah di adakan di DK 5 yang mana disertai oleh pelajar-pelajar semester akhir seramai 160 orang yang bermula dari jam 9.00 pagi – 5.00 petang. Objektif seminar ini adalah untuk mendedahkan pelajar-pelajar kepada peluang –peluang kerjaya selepas tamat pengajian, teknik penulisan resume dan ketrampilan diri sewaktu temuduga serta pentingnya motivasi dalam meningkatkan professional diri. Penceramah-penceramah didatangkan dari Jab. Tenaga Kerja, Ketua Kaunselor, Pusat kaunseling MAINS dan Pegawai Kaunseling Politeknik Port Dickson. Perasmian penutup telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah (SA) Pn Hjij Fauziah Zakaria. Noraini.

Program Kampus Sejahtera

Pada 15 Mei 08 (Khamis), program ini telah di adakan di DK 5 yang melibatkan seramai 200 orang pelajar, bermula dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 ptg. Program bertujuan memberi maklumat-maklumat terkini berkaitan kesan penyalahan dadah dan permasalahan dadah kepada semua peserta. Program diisi dengan Forum bersama PENGASIH dan PEMADAM, Tayangan Video, Curahan Kasih dari Bekas Penagih Dan HIV diakhiri dengan pertunjukan anjing pengesan Dadah.

Program ini diharapkan dapat mencapai matlamat IPT bebas Dadah sebagai satu reality menjelang Malaysia Bebas Dadah 2015. Perasmian penutup program ini telah disempurnakan oleh YB Tuan Hj Ismail bin Taib, Adun Linggi. Noraini.

ALBUM PPD

Sesi Januari - Julai 2008



ALBUM PPD

Sesi Januari - Julai 2008



Sesi Januari 2008

1. Majlis Konvokesyen PPD kali ke 17.
2. Kursus Kepimpinan Jatidri JPK Sesi Jan 2008.
3. Kelab Askar Watanlah - Sirkit Merempuh halangan.
4. Kempen Keselamatan Dan Ketenteraman Kamsis.
5. Pameran Dadah Berbahaya.
6. Kursus Pengurusan Jenazah.
7. Hari Pendaftaran Pelajar Baru Dan Minggu Suaikenal Sesi Januari 2008.
8. English Language Camp Januari 2008.
9. English Language Camp 2 Januari 2008.
10. Minggu Penghayatan Islam.
11. Pertukaran Pengarah PPD, Tuan Hj. Mohd Ghaus Bin Ab Kadir, Ans
12. Perjumpaan Pertama Dengan Pengarah PPD, Tn Hj Mohd Kharir Bin Mohd Ibrahim.
13. Kejohanan 9- pin Bowling Tertutup Staf Politeknik Port Dickson.
14. Seminar kecemerlangan Dan Kerjaya.
15. Informative, Experience And Enjoyable Moment With Proton i-Care.
16. Membina Personaliti Anggun Solehah.
17. Malam Pra-Graduan Vogue And Elegant.
18. Sambutan Maulidul Rasul Perdana.
19. Glamorous Everlasting Lavender Night.
20. Mesyuarat Agung Koperasi.
21. Seminar Pendidikan Animasi Malaysia Akademik Seni Kebangsaan Malaysia Kuala Lumpur 21-22 Januari 2008.
22. Malam Sekalung Budi JKA 2008.
23. Mencari Harta Karun JKA 2008 Genting Highland.
24. Seminar & Hari Intelek JKA 2008, 21 - 23 Mei 2008.
25. Bengkel Senibina Transxiti 2008, Universiti Sains Malaysia USM Pulau Pinang.
26. Portluck JKA.
27. Pameran Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan.
28. Karnival MathScomp Jan-2008.
29. Latih Tubi Online.
30. Hari Pendaftaran Mengulang Modul Sesi Jan 2008.
31. Hari JKM Sempena Hari Politeknik Politeknik Port Dickson.
32. Perkhemahan Jati Diri Politeknik Zon Selatan Di Lambaian Danau, Jasih, Melaka .
33. Pameran Titipan Za'ba & Perkhemahan Sumbangan Kasih.
34. Seminar Kejuruteraan & Motivasi JKM.
35. Program Seminar Keselamatan.
36. Program Lawatan Ke Sirim Malaysia Berhad.
37. Hi-Tea Pn. Norbaiti Haris
38. Titian Kasih JKE.
39. Perhimpunan Pelajar & Taklimat JKE.
40. Pertandingan Robot Soccer Yang Kedua.
41. Pertandingan Pendawaian Domestik.
42. Seminar Penerokaan Kerjaya Anjuran Kemas N. Sembilan.
43. Program Kampus Sejahtera.

PERISTIWA DAN ISU SEMASA

Politeknik Port Dickson Terus Cemerlang

2008

Buletin

Politeknik Port Dickson

